

Oleh Suzan Ahmad
suzan@bharian.com.my

PUASA baru seminggu tetapi akhbar tempatan sudah mula melaporkan kes mangsa terlantar di hospital - hilang jari, buta mata atau cedera parah akibat bermain mercun dan bunga api.

Senario ini tetap berulang. Kempen melarang penjualan mercun dan peringatan yang berkali-kali dibuat melalui pelbagai saluran, setiap kali tibanya Ramadan dan Syawal, namun, ada saja kes membabitkan mangsa terkena mercun dilaporkan.

Mungkin ada kebenarannya, tidak meriah Aidilfitri tanpa percikan bunga api dan mercun. Namun, keseronokan itu tidak akan bermakna jika orang tersayang cedera malah hilang anggota tubuh akibat bahan terlarang itu. Semua orang pernah mendengar perumpamaan - api apabila kecil menjadi kawan tetapi apabila besar menjadi lawan.

Kolum *Sihat & Selamat* berkongsi beberapa tip berguna dan peringatan kepada ibu bapa termasuk penjaga mengenai betapa bahaya bermain bunga api. Seperti diketahui ramai, mercun sama sekali dilarang dijual atau dimainkan dalam semua acara di Malaysia.

BAHAYA BUNGA API

B/A B 18/2011
MS 12 -

Suka jadi duka jika tidak hati-hati bermain, percikan boleh lecur kulit

■ Antara sebab bagaimana kemalangan akibat bermain bunga api berlaku ialah ibu bapa tidak sedar pergerakan anak-anak dan mereka mengambil kesempatan untuk bermain secara sendirian atau secara menyorok. Sehubungan itu, ibu bapa perlu pastikan anak-anak sentiasa dipantau.

■ Bermain secara berkumpulan mengundang kreativiti yang tidak kena pada tempat seperti mengubah bentuk asal mercun atau meriam buluh semata-mata untuk mendapat bunyi yang lebih hebat. Ini menjadi lebih hangat apabila ada cabar mencabar antara beberapa kumpulan yang ber-

main mercun.

■ Kanak-kanak bermain terlalu rapat atau dekat dengan bunga api. Percikan bunga api bukan saja panas dan merbahaya tetapi boleh menyambar pakaian dan menyebabkan kemalangan.

■ Kanak-kanak yang bermain mercun di tepi jalan raya, bukan saja akan terdedah kepada cedera akibat melecur tetapi kemalangan jalan raya.

■ Bermain bunga api di tempat tertutup boleh menyebabkan sesak nafas, lemas dan tercekik. Ini tidak baik kepada kanak-kanak yang menghidap

asma malah percikan bunga api mudah melencong ke arah lain hingga boleh menyebabkan kebakaran.

■ Cedera disebabkan terkena bunga api dimainkan kanak-kanak lain atau bunga api dicampak kerana bergurau.

■ Cedera akibat terpegang bunga api dengan tangan atau meletak bunga api dalam saku yang juga boleh hidup jika bergeser.

■ Cedera akibat terpijak sisa-sisa bara bunga api yang tidak dipadamkan sepenuhnya hingga boleh mengakibatkan melecur.



KES terbaru membabitkan pemain bola sepak remaja kebangsaan, Mohd Nazrul Hasif Mailang, 12, cedera empat jari selepas terkena mercun buatan sendiri.

Anak-anak masih kecil dan tidak mengenal bahaya yang menanti ketika bermain bunga api. Kanak-kanak hanya tahu keseronokan yang tiada hadnya ketika bermain bunga api. Hakikatnya terlalu banyak bahaya yang menanti ketika bermain bunga api

tetapi ia boleh dielak.

Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati, sehubungan itu, ibu bapa dan penjaga kanak-kanak disarankan usah membeli bunga api bagi mengelak si kecil menjadi mangsa.